

24/06/1997

MSC semakin diiktiraf dunia

Azizi Othman

KORIDOR Raya Multimedia (MSC), kini semakin mendapat pengiktirafan sedunia dengan lebih banyak syarikat asing yang berprestij dan mempunyai jangkauan sejagat, berminat menyertainya.

Pada masa yang sama, gagasan penubuhan MSC juga semakin diterima oleh industri kecil dan sederhana (SMI) antarabangsa yang akur dengan hakikat ia adalah pelantar lonjakan perkembangan yang terbaik untuk mereka.

Dengan jumlah permohonan mendapatkan status sebagai syarikat MSC semakin menebal, lebih banyak lagi firma terutama dari negara asing kini sebenarnya berusaha mengumpul maklumat mengenai MSC dengan tujuan menyertainya.

Menteri di Jabatan Perindustrian dan Perdagangan Britain, Lord Clinton-Davis, berkata kini semakin banyak syarikat dari negara itu yang berminat terbabit dengan pembangunan MSC.

Kebanyakannya mula berminat selepas mendengar taklimat dan penjelasan sempena lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mempromosikan MSC ke London, Mei lalu.

"Banyak syarikat terkemuka Britain seperti gergasi telekomunikasi, British Telecom yang mempunyai kepentingan di seluruh dunia, sudah menyatakan minat mereka untuk menyertai MSC.

"Sehubungan itu, kami menjangka lebih banyak syarikat Britain akan terbabit dengan MSC pada masa depan," katanya selepas mengunjungi Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, di Kuala Lumpur, semalam.

Sempena kunjungan sulungnya itu, Davis diiringi Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, David Moss dan Pengarah Jabatan Perdagangan dan Perindustrian Serantau Asia Tenggara, Brandon Doyle.

Beliau juga menyifatkan kempen promosi yang diterajui oleh Perdana Menteri itu sebagai sangat berkesan dan berjaya kerana ia mampu menarik lebih 1,000 pengusaha menghadirinya.

Bagaimanapun Davis berkata, seperkara menarik dalam perkembangan penubuhan MSC itu ialah minat yang ditunjukkan oleh SMI di Britain terhadap projek berkenaan yang semakin meningkat.

Walaupun secara purata, saiz syarikat itu adalah kecil, ia patut diberi perhatian serius kerana hakikatnya SMI ialah majikan terbesar dan nadi ekonomi utama bukan sahaja di Britain atau Kesatuan Eropah (EU) tetapi juga di dunia.

Beliau berkata, menyedari hakikat itu, kerajaan pimpinan Parti Buruh di Britain kini memberi keutamaan kepada perkembangan SMI dan amat mengalu-alukan cadangan mereka menyertai MSC.

Di peringkat tempatan, perkembangan penubuhan MSC mencatat hasil yang memberangsangkan dengan purata sejumlah 20 permohonan diterima setiap bulan daripada syarikat yang ingin mendapatkan status MSC.

Sementara itu, kerajaan juga sudah memberi kelulusan kepada 14 syarikat asing yang akan menjadi antara peneraju utama pembangunan MSC dengan setiap satunya dijangka melabur di antara RM50 juta dan RM250 juta.

(END)